

Perhalusi cadangan elak pertikaian

Cadangan penubuhan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) berbayar pernah diutarakan oleh Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi pada sidang Dewan Rakyat.

November lalu, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mencadangkan semula kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA) supaya menubuhkan MRSM berbayar, bagi menampung permintaan tinggi daripada keluarga berkemampuan.

Antara kebimbangan masyarakat ialah cadangan itu terpesong daripada tujuan asal penubuhan MRSM iaitu untuk memberi pendidikan terbaik kepada pelajar cemerlang daripada keluarga yang kurang mampu, khususnya di luar bandar.

Selain itu, isu penggunaan dana kerajaan juga menjadi keresahan beberapa pihak kerana mereka bimbang MARA terpaksa menanggung beban pembinaan MRSM berbayar, seterusnya mengganggu tumpuan agensi itu terhadap pelbagai tanggungjawabnya, termasuk mengekalkan kecemerlangan 52 MRSM sedia ada.

Sistem berkualiti

Walau bagaimanapun, melihat kepada sudut berbeza cadangan penubuhan MRSM berbayar akan memberi kesan positif dalam usaha penataran sistem pendidikan negara berkualiti.

Cadangan penubuhan MRSM berbayar perlu diperhalusi dalam usaha menepis stigma masyarakat yang memandang cadangan itu sebagai langkah penswastaaan atau mengaut keuntungan semata-mata.

Matlamat utama penubuhan MRSM sejak tahun 1972 di Seremban, Negeri Sembilan jelas bagi menambah bilangan Bumiputera dalam bidang sains dan teknologi, selain membantu pelajar cemerlang daripada keluarga kurang mampu meneruskan pengajian di MRSM.

Setelah hampir 45 tahun MRSM ditubuhkan dengan melihat pelbagai kejayaan bekas pelajar dan pelajar institusi itu, sudah tiba masanya masyarakat melihat perubahan MRSM berbayar sebagai satu langkah mengukuhkan lagi sistem pendidikan negara.

Masyarakat jangan hanya melihat langkah itu mendorong kepada keuntungan semata-mata, sebaliknya satu keperluan untuk kumpulan pe-

lajar pandai muncul sebagai golongan intelektual.

Reputasi cemerlang

Cadangan penubuhan MRSM berbayar timbul berikutan permintaan tinggi daripada ibu bapa yang berkemampuan untuk melihat anak mereka menjadi seorang daripada pelajar MRSM, sekolah yang menerima reputasi cemerlang dalam sistem pendidikan negara.

Pandangan itu membuktikan MRSM menjadi institusi yang cukup dikagumi dan ada ibu bapa yang berkemampuan menjadikan institusi itu sebagai pilihan utama untuk anak mereka menimba ilmu sebelum ke universiti.

Ibu bapa mahukan pendidikan terbaik untuk anak mereka.

Permintaan tinggi daripada golongan berkemampuan untuk anak mereka memasuki MRSM membuktikan MRSM adalah pilihan utama mereka dalam melahirkan modal insan cemerlang.

Kita perlu melihat cadangan ini sebagai pembinaan sebuah institusi pengajian terbaik, walaupun membabitkan peruntukan besar, demi mempunyai kemudahan terbaik dan moden bagi menepati keperluan pembelajaran terkini.

Komentaar



Anuar Ahmad

Pensyarah Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)